



SIARAN MEDIA

KERAJAAN, MAJIKAN DAN PEKERJA! BERSAMA MENANGANI MASALAH KEMALANGAN DAN TINGKATKAN KESEDARAN GAYA HIDUP SIHAT

SUNGAI PETANI, KEDAH – Program Advokasi Pencegahan Kemalangan dan Promosi Kesihatan anjuran Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mempunyai objektif penganjuran yang cukup istimewa. Dianjurkan dengan sentimen bagi meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja terhadap pentingnya amalan budaya pencegahan kemalangan, program ini turut mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan pekerja di Malaysia.

Sebagai salah satu komponen program Ops Cegah, PERKESO memberi tumpuan kepada pelaksanaan program pencegahan oleh majikan rentetan kadar kemalangan yang **dikesan kekal tinggi** pada tahun 2022. Dilaksanakan bersama antara PERKESO dengan kerjasama rakan strategik yang terdiri daripada majikan-majikan di seluruh negara, matlamatnya adalah ke arah **mencapai sasaran menurunkan kadar kemalangan** dalam kalangan majikan yang dikenal pasti ini. Inisiatif program ini juga turut memberi tumpuan kepada kawasan yang **dikenal pasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan jalan raya** atau kawasan **'black spot'** Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sesungguhnya, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja adalah amat penting bagi kemampanan sumber manusia dan ekonomi negara. Bagaimanapun, kemalangan jalan raya yang melibatkan penjarum PERKESO terus meningkat setiap tahun. Berbanding tahun 2021, **terdapat peningkatan sebanyak 38% pada tahun 2022**; daripada **23,894 kes kepada 32,976 kes**. Berdasarkan kes kematian yang direkodkan pada tahun **2022, sebanyak 651 pekerja maut akibat kemalangan ketika perjalanan** manakala hanya 281 kes dicatatkan akibat kecelakaan di tempat kerja.

Justeru, program pencegahan kemalangan yang dilaksanakan seperti hari ini adalah amat bertepatan dan wajar disokong semua. Semua pihak terutama, majikan perlu memberi perhatian serius kepada usaha pencegahan kemalangan jalan raya terutama kepada golongan pekerja memandangkan mereka adalah aset yang amat penting kepada pembangunan negara. Inisiatif ini perlu bersandarkan kepada prinsip *Vision Zero* bahawa semua kemalangan boleh dicegah dan kemalangan tidak sepatutnya diterima sebagai satu kebiasaan. Kesihatan dan kesejahteraan pekerja pula mesti dilihat sebagai elemen penting dalam sebarang jenis pekerjaan.

Berhubung tahap kesihatan pekerjaan pula, analisis saringan kesihatan yang dijalankan PERKESO mendapati **42% pekerja mengalami masalah obesiti (kegemukan), 14.1% pekerja menghidap kencing manis**, manakala **27.91% menghidap darah tinggi** dan **61.2%** daripada mereka mempunyai masalah **kolestrol tinggi**.

Oleh itu, semua pekerja disaran mengambil peluang menjalani **saringan kesihatan yang ditawarkan PERKESO secara percuma mulai 16 Mei 2023**. Program Saringan Kesihatan PERKESO yang dijalankan ini dapat membantu pekerja untuk **mengesan lebih awal penyakit tidak berjangkit (NCD)** seperti penyakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan kanser.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar program seumpama ini mendapat sokongan daripada semua pihak supaya ia menjadi pemangkin untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

-Tamat-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

5 Ogos 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-6193181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my